

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8293**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dokumen-dokumen yang telah terbakar apabila berlakunya kebakaran di Menara 2 Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman, Kuala Lumpur pada 29 Julai 2015.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kejadian kebakaran yang berlaku di Koridor tingkat 10, Menara 2 Bangunan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada 29 Julai 2015, lebih kurang jam 7.15 malam. Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Tun H.S.Lee Repot 025238/2015 yang diklasifikasikan sebagai laporan kebakaran (*fire report*). Siasatan awal oleh pihak Forensik Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan pihak Forensik PDRM mendapati kebakaran tersebut hanya melibatkan kertas dan dokumen-dokumen lama yang tidak dikehendaki yang diletakkan di koridor berkenaan.**

**Pihak Forensik Bomba dan PDRM telah menjalankan siasatan untuk menentukan punca kebakaran tersebut berlaku. Sehingga kini masih menunggu laporan makmal untuk menentukan bagaimana kebakaran tersebut berlaku dan punca yang menyebabkan kebakaran tersebut berlaku.**